



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 MEI 2020 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

The Star

- | | |
|---|---|
| - Long arm of the law catches up with five illegal shop operators | 2 |
|---|---|

Harian Metro

- | | |
|---------------------------------------|----|
| - Benar sektor lain mula operasi | 5 |
| - 2 syarat masuk premis | 3 |
| - Selangor benarkan makan di restoran | 13 |

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Selangor benarkan makan minum di restoran | 23 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 MEI 2020 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Long arm of the law catches up with five illegal shop operators
Muka Surat	2

Long arm of the law catches up with five illegal shop operators

FIVE business premises in Kampung Baru Hicom, Shah Alam were ordered to close for violating local council by-laws.

Shah Alam City Council (MBSA) conducted checks at the new village in Seksyen 26 based on suspicion that they were run by foreigners.

"A total of nine premises were checked and five were instructed to close immediately as the operators had violated MBSA rules and they were all operating illegally," said MBSA corporate communications head Shahrin Ahmad.

The five premises that were

shut down consisted of two grocery shops, a restaurant, a watch shop and a barber shop.

Twelve compounds were issued and 11 foreign workers were detained by police for further investigation.

"We were aided by officers from the Shah Alam police headquarters, Taman Sri Muda police station and Taman Alam Megah mobile police base (pondok polis)," he said.

Shahrin also reminded the public to obey the conditional movement control order rules and regulations set by the city council. — By BRENDA CH'NG



MBSA enforcement officers closing down one of the five business premises for violating rules.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 MEI 2020 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Benar sektor lain mula operasi
Muka Surat	5

Benar sektor lain mula operasi

Shah Alam: Kerajaan Selangor, semalam memutuskan untuk membenarkan beberapa sektor ekonomi yang ter-tangguh sebelum ini beroperasi semula.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan membenarkan beberapa sektor ekonomi beroperasi semula itu dibuat selepas mesyuarat diadakan bersama Datuk Bandar, Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pegawai daerah.

"Kerajaan negeri akan membenarkan pengoperasian sepenuhnya res-

toran, medan selera, gerai berbumbung dan kiosk termasuk untuk aktiviti makan dan minum dalam premis dari jam 7 pagi hingga 10 malam.

"Ia bagaimanapun terpakluk kepada pematuhan penjarakan sosial. Namun, membuka meja di kawasan kaki lima dan parkir tidak dibenarkan," katanya dalam satu ke-

nyataan, semalam.

Beliau berkata, peniaga restoran turut digalakkan untuk memberi pilihan pratempah (preorder) kepada pelanggan bagi mengelakkan kesesakan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 MEI 2020 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	2 syarat masuk premis
Muka Surat	3

2 syarat masuk premis

13/5/2020 MS 3

Pelanggan perlu beri nama, nombor telefon permudah kesan kes.

Putrajaya: Maklumat nama dan nombor telefon memadai untuk dimasukkan dalam rekod pengeisan pelanggan yang diletakkan di pintu masuk ke premis perniagaan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kedua-dua maklumat itu membolehkan pihak berkuasa mengesan individu berkenaan jika

ka berlaku kes positif COVID-19 membabitkan premis terhabit dan ia mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pembukaan semula ekonomi.

"Kerajaan menetapkan SOP untuk rekod pengunjung supaya jika berlaku jangkitan positif COVID-19, maka mudah untuk pengetahuan bukan mahu menyusahkan sesiapa.

"Saya faham ada keimbangan rancangan yang tidak mahu meletakkan alamat rumah dan nombor kad pengenalan kerana bimbang timbul isu keselamatan serta disalah gunakan.

"Justeru, kita ikut saja pelaksanaan aplikasi Gerak Malaysia yang mana mereka berdaftar hanya memberikan nama dan nombor telefon untuk mudah di-

hubungi. Dua syarat ini pada saya sudah mencukupi," kata-

nya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat khas harian menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), semalam.

Selbelum ini, beberapa pihak menyatakan keimbangan mereka untuk meletakkan alamat dan nombor kad pengenalan dalam buku rekod di premis perniagaan.

Mereka mendakwa, tindakan meletakkan alamat dikhawatir di salah guna pihak tidak bertanggungjawab dan mencadangkan hanya nama dan nombor telefon dibenarkan.

Ismail Sabri juga berkata, per-

khidmatan gunting rambut masih tidak dibenarkan kerana tersenarai dalam perkara dilarang sepanjang PKPB. Larangan itu termasuk perkhidmatan gunting di rumah pelanggau.

Katanya SOP gunting rambut masih tidak membentarkan ia beroperasi.

"Mengenai ada orang kenamaan (VIP) memanggil tukang gunting rambut ke rumah, ini berita baharu. Saya pun tidak tahu kerana perkhidmatan itu tidak dibenarkan.

"Setakat ini, gunting rambut sama ada di kedai atau perkhidmatan di rumah termasuk dalam senarai terlarang, maka tidak dibenarkan perkhidmatan itu di rumah, pejabat atau pun pelanggan ke kedai," katanya.

Beliau ditanya mengenai laporan media mendakwa ada orang kenamaan memanggil tukang gunting ke rumah ketika PKP atau PKPB.

Dilaporkan antara pelanggan tukang gunting berkenaan ialah menteri dan pegawai polis yang memberikan perkhidmatan di sekitar Lembah Klang.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, tindakan kuarantin wajib kepada rakyat yang pulang dari luar negara, termasuk 353 individu disahkan positif COVID-19 bagi mengelak risiko jangkitan terhadap orang awam.

Katanya, sebaik pulang ke negara ini, mereka terus ditempatkan di pusat kuarantin dan tahap kesihatan dipantau.

JOHOR	
ZON I Pulau Aur, Pulau Pemanggil	5.29 pg 7.07 mlm
ZON II JB, Kulaijaya, Kota Tinggi & Mersing	5.34 pg 7.09 mlm
ZON III Pontian dan Kluang	5.35 pg 7.10 mlm
ZON IV Batu Pahat, Muar, Ledang, Segamat & Gemas Johor	5.37 pg 7.13 mlm



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 MEI 2020 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Selangor benarkan makan di restoran
Muka Surat	13

Selangor benarkan makan di restoran

Orang ramai mesti patuhi penjarakan sosial

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Selangor membenarkan pengunjung restoran, medan selera, gerai berbumbung dan kios di negeri ini memikni hidangan di premis yang mula hari ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bagaimanapun berkata orang ramai mesti mematuhi penjarakan sosial.

"Semua premis makanan berkenaan dibenarkan beroperasi sepenuhnya termasuk makan dan minum di dalam premis bermula jam 7 pagi hingga 10 malam, tertakluk kepada pematuhan penjarakan sosial."

"Namun, peniaga tidak dibenarkan membuka meja di kaw-

san kaki lima mahupun di tempat letak kenderaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Amirudin berkata, penguasa PBT akan turut membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuaskan berada pada tahap optimum.

Katanya, penjaja makanan dalam kategori tidak berpremis seperti 'food truck' dan penjaja tepi jalan boleh mula beroperasi dari jam 8 pagi hingga 10 malam, namun terhad kepada pandu lalu, bungkus dan penghantaran sahaja.

"PBT akan meneliti keperluan penggiliran penjaja beroperasi sekiranya kedudukan mereka berdekatan satu sama lain yang menyukarkan penjarakan sosial diamalkan oleh pembeli," kata-

Selain itu, beliau berkata, sebarang bentuk aktiviti penyembelihan dan pemprosesan hai-

wan seperti ayam di pasar awam, pasar borong, pasar segar dan pasar swasta adalah tidak dibenarkan, manakala aktiviti pasar yang lain dibenarkan beroperasi seperti biasa manakala larangan operasi pasar pagi dan pasar malam adalah kekal buat masa ini.

Katanya, rakyat Selangor kini dibenarkan beriadah di taman, termasuk aktiviti memancing bermula pada jam 7 pagi hingga 7 malam bagaimanapun aktiviti seperti pendakian dan perkhemahan masih tidak dibenarkan.

"Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengeluarkan Pekeliling yang lebih terperinci bagi tujuan rujukan dan penguatkuasaan lanjut bermula 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun ini.

"Sebarang bentuk aktiviti atau perkara lain yang tidak diperincikan adalah kekal tertakluk seperti yang digariskan dalam SOP yang disediakan Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya.



Semua premis makanan berkenaan dibenarkan beroperasi sepenuhnya termasuk makan dan minum di dalam premis bermula jam 7 pagi hingga 10 malam. Peniaga tidak dibenarkan membuka meja di kawasan kaki lima mahupun di tempat letak kenderaan.

**Amirudin Shari,
Menteri Besar Selangor**



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 MEI 2020 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Selangor benarkan makan minum di restoran
Muka Surat	23

Selangor benarkan makan dan minum di restoran

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor membenarkan orang ramai makan dan minum di dalam restoran susulan pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 9 Jun.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ketetapan berkenaan dicapai melalui mesyuarat yang dijalankan bersama Datuk Bandar, Yang Dipertua pihak berku-

SH 13/5/2020 ms y3
saltempatar (PBT) dan pegawai-pega-
wai daerah di seluruh Selangor.

"Semua restoran kini dibenarkan untuk beroperasi sepenuhnya termasuk makan dan minum di dalam pre-
mis dari jam 7 pagi hingga 10 malam tertakluk kepada pematuhan penja-
rakkhan sosial.

"Pemilik bagaimanapun tidak di-
benarkan membuka meja di kawasan
kaki lima dan parkir. Peniaga restoran

digalakkan untuk memberi pilihan
pra-tempah (pre-order) kepada pe-
langgan bagi mengelakkan kesesakan
di dalam kedai," katanya dalam satu
kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, penguat kuasa
PBT turut akan membuat pemeriksaan
mengejut dari semasa ke semasa bagi
memastikan pematuhan prosedur ope-
rasi standard (SOP) yang dikuatku-
sakan berada di tahap optimum.